

KENYATAAN AKHBAR KEMANGKATAN SULTAN KEDAH

NAJIBRAZAK.COM

September 11, 2017

Kenyataan Akhbar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Mengenai Kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman

Kerajaan Negeri Kedah telah mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah mangkat pada hari ini, Isnin 11 September 2017 bersamaan 20 Zulhijjah 1439 Hijrah di Istana Anak Bukit, Alor Setar Kedah

Saya bagi pihak Kerajaan dan rakyat jelata merakamkan rasa dukacita dan ucapan takziah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kedah Darul Aman Tuanku Hajah Haminah, anakanda-anakanda serta kerabat-kerabat Baginda di atas kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Saya juga meminta supaya semua pihak mengibarkan bendera Malaysia separuh tiang di seluruh negara selama dua (2) hari berturut-turut bermula pada hari pengebumian iaitu pada hari Selasa, 12 September 2017 bersamaan 21 Zulhijjah 1438 Hijrah.

©2017 Copyright Reserved NajibRazak.com, Blog, Featured Articles

Source: <https://www.najibrazak.com/bm/blog/kenyataan-akhbar-kemangkatan-sultan-kedah/>